



24 Mac 2013
24 March 2013
P.U. (A) 103

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMELIHARAAN KESELAMATAN AWAM 2013

PRESERVATION OF PUBLIC SECURITY REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ORDINAN PEMELIHARAAN KESELAMATAN AWAM, 1962

PERATURAN-PERATURAN PEMELIHARAAN KESELAMATAN AWAM 2013

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama
2. Pemakaian
3. Matlamat
4. Tafsiran

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA ZON SELAMAT SABAH TIMUR DAN
JAWATANKUASA PEMANTAUAN

5. Penubuhan Jawatankuasa Zon Selamat Sabah Timur
6. Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan
7. Fungsi Jawatankuasa Pemantauan

BAHAGIAN III

KERJASAMA DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT

8. Kerjasama
9. Perkongsian maklumat

BAHAGIAN IV
PENEMPATAN SEMULA

10. Penempatan semula
11. Perlindungan warganegara
12. Pendaftaran orang yang ditempatkan semula
13. Tempat tinggal dan keselamatan di dalam kawasan penempatan semula
14. Lembaga Pelawat
15. Kesihatan awam, perkhidmatan perubatan dan sanitasi di kawasan penempatan semula
16. Pendidikan dan pekerjaan
17. Program di kawasan penempatan semula

BAHAGIAN V
PELBAGAI

18. Kuasa untuk mengeluarkan arahan
19. Pembatalan

ORDINAN PEMELIHARAAN KESELAMATAN AWAM, 1962

PERATURAN-PERATURAN PEMELIHARAAN KESELAMATAN AWAM 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 3(2)(c) dan (e) Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam, 1962 [*Ord. No. 6 Tahun 1962*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemeliharaan Keselamatan Awam 2013**.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi Kawasan Timur Sabah.

Matlamat

3. Peraturan-Peraturan ini dibuat dengan matlamat yang berikut:
 - (a) untuk memastikan dan mempertingkatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di Malaysia secara amnya, dan di Sabah dan Kawasan Timur secara khususnya;
 - (b) untuk memastikan kesejahteraan hidup, kesihatan awam dan kewujudan bersama secara aman rakyat di Sabah secara amnya dan Kawasan Timur secara khususnya;
 - (c) untuk memastikan, memelihara dan memudahkan di dalam Kawasan Timur perjalanan secara bebas hak di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri yang disifatkan perlu dan suai manfaat dalam suatu masyarakat demokratik; dan

- (d) untuk mengambil tindakan atau langkah yang sewajarnya untuk menempatkan semula orang atau kumpulan orang yang menduduki tanah atau premis secara tidak sah di dalam Kawasan Timur.

Tafsiran

4. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“agensi kerajaan” ertinya—

- (a) mana-mana Kementerian, jabatan, pejabat, agensi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan; dan
- (b) mana-mana pihak berkuasa, perbadanan atau badan lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, yang berkaitan, bagi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan, sama ada ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis atau selainnya;

“Kawasan Timur” ertinya daerah Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau di Sabah;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pemeliharaan dan pengendalian ketenteraman awam, kesejahteraan dan keselamatan dalam negara.